



December  
 2023

# REVISITING DISCIPLESHIP

## United to Build



### Message From the Principal

By Rev. Dr. Khoo Ho Peng

Over the years, Methodist Theological School (MTS) has relied on Colossians 1:28-29 as its motto, using it to establish the philosophy of the entire theological education. In the upcoming year 2024, coinciding with the 70<sup>th</sup> anniversary of the founding of MTS, the faculty has chosen the theme "**Revisiting Discipleship**" for the coming year, reflecting on the guidance and vision that Colossians 1:28-29 brings to MTS and the Church in the new era of developing theological education.

The existence of MTS is to serve the Church, collectively nurturing pastors, missionaries, musicians, and believers, united in proclaiming Christ and leading people completely into the presence of God with all wisdom. This is indeed to fulfil the Great Commission of our Lord Jesus, ultimately making disciples of those who trust in the Lord Jesus.

In other words, just like the founder of Methodism, John Wesley, MTS does not want the individuals who

are trained to be satisfied with only preaching and the evangelistic work alone. Instead, it aims to make disciples of all believers.

In the ever-changing new era, MTS will steadfastly exhaust all means to teach the unchanging truth of the Bible. Theological education in the post-pandemic era has led MTS to value and insist on the shaping the lives of the equipped individuals while expanding both online and physical teaching. Quality theological education must be holistic—not only imparting theological knowledge but also enabling the equipped individuals to practice and experience the perfected life—loving God and others, thereby multiplying disciples in the church. MTS will strive to intentionally instill such value in the curriculum and in the daily living of the equipped individuals to live out the Lord's Great Commission.

In the past issue of the MTS newsletters, I briefly mentioned the MTS Extension Project, which aims to provide space for the library and various other purposes. Currently, the plan for this project has been submitted to

the relevant authorities, and is awaiting approval.

The Extension Project Working Committee will soon plan and promote fundraising for this extension project. For a while, I felt anxious when thinking about the huge amount of funds needed for this project. I was much encouraged when I call to mind that this project was for the theological education entrusted by God. The chairperson of the Extension Project Working Committee and the brothers and sisters involved in the planning and fundraising are also filled with confidence, believing that God will provide all the funds we need.

Before MTS formally launches the fundraising plan, God has already touched the hearts of a few brothers and sisters to bring their offerings for this project. This reminds me Exodus 35, where God personally encouraged His people to give for the construction of the tabernacle. The people of God gave generously! Hallelujah, God is truly good, and He has already started working!

I sincerely invite you to participate in contributing to the funds needed for this project. Let us accomplish His work together!



# MTS EVENTS (JUNE TO NOVEMBER)



## 12-13 June: MTS Silent Retreat at YMCA Camp Resort Sibu.

### Perkongsian dari Lenny Liana Antonius, Pelajar Teologi BM Tahun 3:

Pada bulan June yang lepas, tahun 2023 ini, kami sekumpulan pelajar dan para guru dari MTS telah mengikuti silent retreat di YMCA selama dua hari. Secara peribadi pengalaman yang saya perolehi daripada silent retreat tersebut adalah dapat meluangkan waktu berdiam dengan tenang. Masa tersebut adalah masa yang sangat berharga bagi saya kerana dengan berdiam saya mendapat banyak pemahaman akan kasih kurnia Allah dalam hidup saya. Semasa waktu mengamati persekitaran, saya mengambil peluang untuk berdiam sendiri berdoa di bahagian belakang berhampiran dengan tempat penginapan kami. Saya duduk seorang diri dan melihat sekeliling serta merasakan suatu ketenangan yang sangat luar biasa. Udara yang segar menjadikan suasana berdiam saya semakin bermakna. Saya menundukkan kepala memandang haiwan-haiwan kecil yang sedang berjalan di tanah ada semut, dan rama-rama berterbangan menghinggapi tubuh seolah menyapa saya. Lalu perlahan saya menaikan kepada mendongak ke langit melihat luasnya langit yang Tuhan ciptakan, sangat indah. Hati saya sangat terharu kerana merasakan betapa besar kasih Allah untuk dunia ini. Sekalipun kita manusia yang kecil dan hina, Tuhan menyediakan yang terbaik untuk setiap ciptaan-Nya. Maka dari itu, saya mengambil kesimpulan bahawa waktu berdiam bersama Tuhan adalah waktu sangat penting walaupun dalam kesibukan dengan sekolah, praktikal dan lain sebagainya. Supaya kita dapat mendengar suara Tuhan bagi hidup kita dan dengan itu juga kita akan dapat lebih menghargai diri kita sebagai ciptaan Tuhan. Dengan demikian, saya juga berfikir mengikuti waktu senyap yang diadakan di sekolah pada setiap tengahari akan memberikan impak yang positif jika kita melakukannya dengan bersungguh-sungguh dihadirat Tuhan.



## 14 June: MTS 2<sup>nd</sup> Semester Opening Service with 5 new BM Pre-Theology students.



## 22 July: MTS Community went on an outing to Bukit Lima Nature Reserve.



## 29 July: BM Seminar —“Seminar Pendidikan Kristen”| Speaker: Dr. Judy Berinai (STS Lecturer)



**14 July: 2023 STMS & MSTMS Graduation Service:**  
 The 5<sup>th</sup> batch MSTMS Chinese, 7<sup>th</sup> batch STMS BM, 14<sup>th</sup> STMS Music & 17<sup>th</sup> STMS English.



**2-3 August:** Pdt/Dr. Hasan Sutanto conducted lectures in BM and Chinese respectively to explain how to use the "Perjanjian Baru Interlinear Yunani-Indonesia dan konkordansi Perjanjian Baru" in order to better interpret the New Testament.



**26-27 August: MTS Night & Dedication Camp @ Miri.**



**29 August: MTS Community celebrates for National Day, Birthday and Mooncake Festival together.**



**22 September: 2023 3rd Batch Methodist STMS College Graduation Service at Wesley Methodist Church.**



**21 October: BM Seminar — “Kaedah Berteologi Evangelikal” | Speaker: Dr. Wilson Jeremiah Lukito (SAAT STT Lecturer)**

**21 October: MTS community was invited to attend the Paramount Hotel’s 21st Year-End Thanksgiving Service and luncheon. Rev. Bulan Yiong, MTS BM lecturer, preached the sermon.**



**28<sup>th</sup> October:**



**Methodist Theological School (MTS) held its 25<sup>th</sup> Graduation Service (Since its reopening Degree Courses on 1996) on 28<sup>th</sup> October 2023 at Wei Kuok Hall, Sibu. The speaker was Rev. Dr. Gregory Goh Nai Lat, President of the Chinese Annual Conference of the Singapore Methodist Church, who delivered the Graduation Address on “The Pastor’s Calling”.**

There are 20 graduates this year.

**7 graduates of the TEE Program/Family and Counseling Ministry:**

Betty Tiong Huo Hung (Diploma of Christian Studies); Grace Chan Kin Yi, Lam Mee Lin, Lau Sing Hung, Yip Chang Han (Master of Christian Studies); Hii Mee Kee, Jessieline Ngu Siew Ung (Master in Family and Counseling Ministry).

**1 graduate from Worship and Music Program:**

Lau Hie Hie (Bachelor of Arts in Worship & Music).

**8 graduates of the Theology Program:**

Ngu Kwong Chik, Ting Kang Hwang (Licentiate of Theology); Edwin Lai Kok Wei, Hii Lee Siong, Michelle Sun, Lovinna Merang [BM Program] (Master of Divinity); Ling Hui Hua (Bachelor of Divinity in Missiology); Tang Chen Chen (Master of Divinity in Worship & Music).

**4 Master of Ministry Program graduates:**

Baby Lau Hui Chuo, Sia Chai Kiong, Tang Kah Hie, Ting Chai Eng.



**06/06/2023: Rev. and Mrs. John Kwan,  
Founder of Life Game.**

**17/06/2023: Ken R Root and Sue Lanting  
Root, led by Rev. Dr. Lu Chen Tiong.**



**30/08/2023: Trinity Methodist Church Junior Youth Group, led by Rev. Chan Chok Ong.**





**30/09/2023: Sarikei Iban Methodist Church, led by Rev. Olyver Aldyendess.**



**23/10/2023: Adult Fellowship of the Chinese Annual Conference of the Methodist Church [4D3N trip to Sarawak] visited MTS as their last stop.**

## MTS UPCOMING NEWS & PRAYER ITEMS



### 1. 2024 Full Time Programme New Students

A total of 12 new theology students (Mandarin = 6; BM = 5; Worship & Music = 1) and 1 returning student.


Mandarin	Liaw Jian Ming, Wong Ek Leong, Jonathan Bong Cheng En, Lee Tze Young, Tang Kwong Yong, Yvonne Law Peng Yuh
BM	Chendan Ak Uju, Ben Aflick Francis, Christina Nawi Anak Kantan, Valentine Numang Lyne Nonie Anak Iba, Airrene Wilson
Worship & Music	Lee Xiang Ling
Returning Student	Malaya Anak Lidan

- Pray for the new students. Pray that they are able to cope with the vigorous studies and activities in MTS.
- Pray that more church members are willing to equip themselves and come to MTS for TEE programme

### 2. 2024 MTS 1st Semester Opening Service

2024 MTS 1st Semester Opening Service will be held on 3rd January 2024, Wednesday at 9:00 am @ MTS Chapel + Facebook LIVE. More information will be announced through MTS Facebook page and MTS website.

2024 Budget for Expenses



### 3. MTS Financial Situation

The total expenditure of MTS for year 2024 is estimated to be about RM 2,105,700. Please pray for God's providence towards "MTS General Fund". Pray that more brothers and sisters are willing to give and support MTS ministry financially. We welcome brothers and sisters to participate in the ministry of God. Please specify your offering as "MTS General Fund".

**Public Bank Account:** 3-1422081-12.

Please email your bank-in slip to [accounts@mtssibu.edu.my](mailto:accounts@mtssibu.edu.my).

You may also participate in "Friends of MTS".

#### 4. 2024 Intensive Courses offered for Master of Ministry Programme, TEE Family & Counseling Ministry Programme, and Theology Programme

Date	Subject	Lecturer
<b>Master of Ministry Courses</b>		
22 - 26 April	“Pastoral Counseling”	Rev. Dr. Khoo Ho Peng
03 - 07 July	“Preaching from the New Testament”	Rev. Dr. Tie King Tai
<b>TEE Family &amp; Counselling Ministry Courses</b>		
March 2024	“Theology of Marriage and Family”	Rev. Dr. Wong King Sing
June 2024	“Counseling: Equipping and Instructions”	Rev. Dr. Khoo Ho Peng
August 2024	“Spiritual Counseling: Exercises for Life Growth”	Dr. Lee Tai Ying
<b>Chinese and BM Theology Program</b>		
19 – 22 Feb	“Sarawak Indigenous Cultures and Religions” (Chinese)	Rev. Law Hui Seng
March 2024	“Exegesis III: Revelation” (BM)	Pastor Patricia Galidau
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pray for the good health of the lecturers. Pray that God will grant them wisdom in their teaching.</li> <li>- Pray for the students to have good health to study during the intensive course.</li> </ul>		

#### 5. MTS 2024 Upcoming Events

Date, Time & Venue	Event	Speaker
11/03 (8.00PM) @Online	5 <sup>th</sup> Wesleyan Online Theological Forum: “John Wesley’s Hermeneutics” (In Chinese)	Rev. Ling Tiong Cheng
15/04 (8.00AM-12:30PM) @MTS Chapel	Seminar on Asian Theology	Bishop Erm. Hwa Yung
27-28/04 @Bintulu	Wesleyan Theology Seminar in SCAC Bintulu District	Rev. Dr. Thomas Lau Sie Ngiu Rev. Ling Tiong Cheng Rev. Paul Ting Huat Ung Rev. Samuel Law Ning Seng
01/05/2024 @Kapit	Wesleyan Theology Seminar in SCAC Kapit District	Rev. Dr. Lu Chen Tiong Rev. Paul Ting Huat Ung Rev. Samuel Law Ning Seng
18/05 (7.30PM) @Online	Wesleyan Online Theological Forum: “Ajaran John Wesley Tentang Roh Kudus”(In BM)	Rev. Dr. Thomas Lau Sie Ngiu
20 - 26/05	Missions Awareness Week (MAW)	
15/06	BM Music Concert (KKR & MTS Night)	Rev. Dr. Thomas Lau Sie Ngiu
11-13/07@ MTS	MTS Day	
15/07@ MTS	HYMN Festival	
10-11/08@Kuching	MTS Night BM & Kem Dedikasi	
31/08	Public Forum: “Funeral Ritual of Different Chinese Clan Groups”	
14-16/09 (8.00AM)@Miri	Kem Dedikasi BM	Rev. Dr. Wong Teck Suk
26/10(09:00AM) @ Wei Kuok Hall	MTS 26 <sup>th</sup> Graduation Service cum MTS 70 <sup>th</sup> Anniversary Celebration	
TBC	Translation Skill Seminar (In BM)	Pastor Tan Hwee Yong
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pray for the speakers, venues, PA system, electricity supply for the events.</li> <li>- Pray that the events will run smoothly, and more people are able to attend all the events.</li> </ul>		

#### 6. Theological Education Sunday

MTS Lecturers are open to invitations to conduct Theological Education Sundays throughout the year. All expenses will be paid by MTS.

Please contact our lecturers for arrangements. Tel: +6084-321409

## NOTICE

MTS office & library will be closed on the following dates in 2023:

17/02; 30/03; 13/04; 25/05; 20/07; 17/08;  
14/09; 02/11, 09/11, 16/11, 23/11, 30/11;  
\*08-22/11(Library Closed); 07/12, 14/12,  
21/12, 28/12.



**MAW**  
03-09/07/2023  
**Missions Awareness Week**

Kelompok Keluarga (Family Group) Rev. Wong Teck Suk telah menjalankan MAW di Gereja Methodist Matang, Kuching pada 6-9 Julai 2023. Kami bersyukur kerana dapat menjalankan misi di Kawasan Matang dengan lancar, khususnya dalam pelayanan penginjilan di kawasan perumahan dan sekolah minggu.

Kami telah dihantar ke kawasan perumahan rumah pangsa yang terletak tidak jauh dari gereja untuk menginjil rumah ke rumah. Kawasan perumahan tersebut yang bukan hanya didiami oleh golongan bumiputra seperti Iban dan Bidayuh, tetapi juga oleh mereka yang berbangsa Cina. Kebanyakan daripada mereka yang kami lawati dari pintu ke pintu banyak menyatakan bahawa mereka sudah lama telah meninggalkan gereja. Kami bersyukur walaupun ada yang menolak, tetapi Tuhan juga ada menyediakan penduduk yang membuka pintu mereka dengan luas untuk menyambut kedatangan kami. Kawasan perumahan yang begitu besar, dengan penduduk yang begitu ramai dan mereka yang tercari-cari akan Tuhan sangat banyak, ladang Tuhan yang begitu besar, tetapi sedih sekali, kami sangat kekurangan penuai.

Kami bersama Kelompok Keluarga Rev. Angela Ting di Gereja Methodist Matang sepanjang tempoh misi, maka kami bekerjasama di antara pelayanan Cina dan pelayanan Bahasa Malaysia. Keterlibatan ahli kumpulan yang saling membantu dalam men-



**REV. DR. WONG TECK SUK'S FAMILY GROUP  
– Matang Methodist Church, Kuching**

jayakan setiap pelayanan untuk melayani di Gereja Methodist Matang. Kelompok kami membantu kelompok Rev. Angela Ting dan apabila kami memerlukan bantuan kelompok lain untuk membantu dalam sekolah minggu, mereka juga membantu kami. Tanpa pertolongan Tuhan di tengah-tengah kami, pasti kami tidak dapat menghadapinya. Kerjasama dan kesatuan dalam pelayanan yang berbilang kaum sangat penting dan harus diterapkan di dalam pelayanan setiap gereja.

Memiliki hubungan yang baik dengan rakan-rakan sepelayanan, secara langsung akan memudahkan urusan pelayanan semasa di ladang misi. Saling menerima kelebihan dan kekurangan semasa akan memudahkan kami untuk saling memperlengkapi sesama semasa dalam pelayanan di ladang misi. Kami sangat bersyukur, kerana dapat melayani bersama rakan-rakan sepelayanan kami dan kami dapat mendapat banyak pengalaman baru semasa di ladang misi.



**S**egala Kemuliaan kami kembalikan kepada Tuhan atas Rahmat-Nya yang tidak pernah berkesudahan. Syukur kepada Tuhan kerana di atas kebaikan-Nya MTS sekali lagi dapat menjalankan MAW yang dijalankan secara fizikal. Pada kali ini misi MAW dijalankan di Pekan Song yang dianggotai dari Kelompok Keluarga seramai 9 anggota termasuk dengan pelajar misi jangka pendek selama 3 bulan di MTS yang pergi menjalankan misi penginjilan di Pekan Song. Ini adalah kali pertama Misi ini dijalankan di Pekan Song. Ini bermaksud TUHAN sedang membuka jalan pelayanan misi dijalankan di tempat ini.

Selama 4 hari (6 Julai-9 Julai) kami berada di Song dan menjalankan beberapa aktiviti seperti kunjungan di beberapa buah Rumah Panjang, Rumah Setinggan dan kawasan pekan untuk mengadakan penginjilan. Mereka menerima kedatangan kami dengan baik dan satu hal

## REV. BULAN YIONG YAI LING'S FAMILY GROUP

### **- Sang En Methodist Church, Song**

**MAW**

yang kami harapkan, bahawa penginjil terutamanya dari gereja Methodist tetap terus menerus melakukan pelayanan ini setiap masa di tempat mereka.



#### Prayer Walk

Pada hari pertama, pelayanan kami dilakukan di sekitar pekan untuk berdoa (prayer walk). Kepentingan berdoa ini adalah untuk memberkati pekan tersebut supaya suku-suku di sana mereka akan terbuka hati untuk menerima Yesus Kristus dalam hati dan dalam kehidupan mereka. Pada waktu petang, kami ke Rumah Seligi yang berdekatan dengan bandar. Di sana, kumpulan kami mengadakan penginjilan menggunakan

pendekatan melalui Empat Hukum Rohani. Buku kecil ini banyak membantu pengenalan mereka secara dasar mengenal Tuhan. Puji Tuhan kerana ramai mereka menerima baik kedatangan kami.

Pada hari kedua, kumpulan kami menjalankan penginjilan di kawasan rumah setinggan yang berdekatan dengan gereja. Kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan masuk ke setiap rumah untuk menyampaikan injil. Setelah menginjil, pada waktu petang kami meneruskan lagi penginjilan ke rumah panjang yang mengambil masa 40 minit untuk sampai ke tempat tersebut. Pengalaman kumpulan kami adalah kami berasa

# MAW

sukacita kerana penduduk di sana menerima dan menyambut kedatangan kami dengan baik. Pada masa yang sama, injil dapat disampaikan kepada mereka dalam keadaan yang baik dan teratur. Mereka kebanyakannya sudah menerima Yesus namun dasar iman mereka masih cetepek, maka dengan ini peluang kami untuk menghabarkan berita baik mempunyai peluang yang sangat besar.

Pada malam tersebut, sekali lagi kumpulan kami berpeluang melayani di kebaktian Pribumi untuk jemaah bangsa Cina di San Eng Methodist Church. Kumpulan kami mengambil beberapa pelayanan seperti berkutbah, memimpin puji sembah, memberikan kesaksian hidup, menari

rebana dan pelayanan belakang takbir. Melalui pelayanan ini, kami berpeluang memperkenalkan bahawa pelayanan pribumi harus diambil perhatian supaya injil juga disebarluaskan kepada ramai lagi suku Iban di Kawasan tersebut melalui mereka.

## kebaktian Bahasa Iban

Pelayanan terakhir kami pada hari Ahad adalah kebaktian Bahasa Iban bersama gembala dan jemaah dari SIAC. Kami juga mengambil peluang untuk melayani bersama di tempat mereka dari pelayanan khutbah, puji sembah dan kesaksian. Ramai antara kami menyertai kebaktian Bahasa Iban untuk kali yang pertama dan ini adalah pengalaman yang tidak akan kami lupakan.



Harapan kami ialah setiap tahun gereja-gereja akan menghantar kumpulan misi ke kawasan pekan Song terutamanya di San Eng untuk menjangkau jiwa di sana...

Ramai antara kami menyertai kebaktian Bahasa Iban untuk kali yang pertama dan ini adalah pengalaman yang tidak akan kami lupakan.

Cabar yang kumpulan kami hadapi adalah kekurangan air dan elektrik di tempat pelayanan. Kumpulan kami perlu pergi ke tempat lain selama beberapa hari untuk mandi. Begitu juga dengan penggunaan elektrik yang terbatas kerana arus elektrik tidak kuat untuk menampung penggunaan. Selain itu, cabaran lain dalam pelayanan adalah komunikasi dengan gembala yang bertanggungjawab di sana. Hal ini menyebabkan salah faham berlaku di antara kumpulan kami dengan gembala dari SIAC, tetapi akhirnya dapat diselesaikan dengan baik. Cabaran yang paling besar adalah penggunaan bahasa, ini kerana kumpulan kami terdiri dari pelayanan BM yang tidak biasa

menggunakan bahasa Iban untuk beribadah dan berkomunikasi secara rohani. Tetapi ini tidak mematahkan semangat kami untuk meneruskan pelayanan penginjilan ke mana pun kami pergi.

Harapan kami ialah setiap tahun gereja-gereja akan menghantar kumpulan misi ke kawasan pekan Song terutamanya di San Eng untuk menjangkau jiwa di sana dan memulakan pelayanan BM kerana tempat tersebut mempunyai peluang yang sangat besar untuk dijangkau menggunakan bahasa yang digunakan sehari-hari seperti Bahasa Malaysia yang dapat diterima oleh ramai orang.

Pada 06/07/2023, kesemua pelajar teologi beserta pelajar misi jangka pendek berangkat pergi ke tempat masing-masing untuk "Mission Awareness Week". Kumpulan kami berangkat pada jam 6:30 pagi dengan menaiki bas berserta dengan kumpulan Rev. Wong dan Rev. Angela. Lokasi yang kumpulan kami tuju ialah Samariang, Kuching. Kami tiba di Matang, Kuching pada jam 3:40 petang. Kemudian dari Matang kami berangkat ke Samariang menuju ke tempat kami melayani, iaitu di Pusat Penginjilan Methodist Samariang. Di sana, tempat tidur bagi yang perempuan diasingkan daripada lelaki iaitu di sebuah bilik bersama dengan muda-mudi dan kanak-kanak sekolah minggu. Kumpulan kami ada mengadakan renungan pada setiap hari jam 5:45 pagi.

Kami berkenalan dengan Misionari Irene dan Pastor Luther berserta dengan isterinya. Lalu kami mengadakan taklimat terlebih dahulu. Kem yang diadakan adalah kem sekolah minggu yang dijalankan selama 3 hari termasuk hari Ahad. Jadual pelayanan kami adalah padat dan kami sangat sibuk. Pendaftaran kem ini ialah pada hari Jumaat jam 7:00 malam. Pada hari pertama, pujian dan penyembahan dipimpin oleh Pastor Luther berserta isterinya dan ianya sangatlah membuatkan kami sukadita. Kami melihat muda-mudi dan kanak-kanak menjadi bersemangat dan menyanyikan lagu dengan suara yang kuat dan lantang. Mereka pun turut bersukacita. Melalui semangat mereka semasa memimpin, kami menjadi terinspirasi untuk mempunyai semangat yang sama ketika melakukan tugas kami.

Terdapat tiga hukum dalam pembelajaran alkitab. **Hukum pertama** ialah pada hari Jumaat

iaitu, Kasih Tuhan dan Rancangan Tuhan. Pada hari pertama yang membuat kesaksian ialah sdr. Laing. Kemudian hari kedua iaitu **Hukum kedua** ialah Manusia Berdosa. Sdr Chendan yang membuat kesaksian. **Hukum ketiga** ialah Yesus Kristus menyelsaikan masalah dosa manusia. Melalui ketiga-tiga pembelajaran ini, kami dapat melihat bahawa ramai muda-mudi berjuang dan berpotensi.

Kami juga mempelajari sesuatu yang baharu iaitu permainan dan kuiz yang dilakukan dalam setiap pembelajaran di mana ianya boleh kami gunakan suatu hari nanti. Selain itu, terdapat juga beberapa misi yang dijalankan seperti membuat puzzle, 5 permainan dan membuat video. 5 permainan ini harus dimenangi dalam 100 saat. Kebanyakkan peserta gagal walaupun berusaha keras kerana tujuan permainan ini memanglah untuk kalah. Hal

ini demikian kerana ingin memberikan gambaran kepada mereka bahawa manusia tidak dapat datang kepada Tuhan dengan cara dan usaha sendiri tetapi melalui Yesus Kristus.

Apa yang kami pelajari sepanjang mengikuti kem ini adalah pemimpin-pemimpin yang semangat melayani. Selain itu, kami sangat bersyukur dapat melayani di sini kerana kem ini menimbulkan sukacita. Walau pun kami kepenatan bahkan ada yang di antara kami yang sakit kaki, tetapi tetap bersemangat sehingga mampu menyelesaikan tugas hingga akhir.

Puji Tuhan kerana kami telah dikuatkan dan ipakai oleh-Nya dalam misi ini. Kami dapat pulang dengan semangat yang baharu dan hati yang sukadita pada hari Isnin.

MAW

## REV. PAUL TING HUAT UNG'S FAMILY GROUP – Samariang Methodist Preaching Centre, Kuching





## REV. NINGKAN SURING'S FAMILY GROUP – Methodist Iban Church Sungai Amang, Kapit

**S**ecara keseluruhan semua pelayanan dalam 4 hari sangat baik, semua orang sangat disiplin dalam mengatur masa, kerjasama kumpulan tersangat cemerlang. Bersyukur kerana dapat peluang melayani besama-sama. Komen kami di 3 buah rumah panjang kami pergi, penerimaan mereka baik tetapi kami rasa perlu buat penginjilan lebih kerap di Rumah Rantai Sepako kerana mereka masih percaya kepada miring. Sama juga dengan Rumah Braoh kerana setiap kali mahu masuk injil ada sahaja cara mereka melarikan dari berita baik kami bawa. Setiap tanggungjawab yang telah diberikan juga dapat dilaksanakan dengan begitu baik sekali mengikut keadaan di sana.

Masih ramai mengikuti agama tradisi □

Sepanjang Mission Trip bermula dari 6 hingga 9 July 2023 di Kapit, banyak pengalaman yang dapat dipelajari. Semasa membuat penginjilan di pasar Kapit, di sini terdapat ramai lagi orang Iban yang belum lagi percaya kepada Tuhan Yesus menjadi Juruselamat mereka. Begitu juga semasa pelayanan di setiap rumah panjang, masih ramai lagi yang percaya dengan agama tradisi walaupun penduduk di situ sudah menanuti agama Kristian. Jadi, dalam mission trip ini, kumpulan Rev Ningkan dengan gigih mengajar penduduk di sana tentang dasar Iman Kristian.

Puji Tuhan atas pimpinanNya dalam pelayanan MAW selama tiga hari di Kapit. Kami bukan sahaja mengunjungi empat buah rumah panjang tetapi juga melakukan doa jalan menginjil beberapa tempat. Pelayanan kami di beberapa buah rumah panjang ada yang tidak memuaskan karena mereka bukan tertumpu kepada apa yang kami sampaikan, lagipun waktu kami mencerita tentang kehidupan seorang Kristian yang sebenar mereka tidak mendengar sehingga mereka bercerita yang lain. Ada sebuah rumah panjang begitu baik respon mereka sehingga mereka mahu tahu tentang sekolah MTS dengan lebih mendalam. Sekolah minggu juga diajar dengan cerita dalam Alkitab, ada juga di antara mereka tidak pernah ke gereja. Waktu kami menginjil di beberapa tempat orang yang kami injili pun berkomunikasi dengan baik sehingga kami mengambil masa untuk berdoa bagi mereka.

Semasa MAW, pelayanan ini walaupun letih, tidak cukup rehat dan program terlalu padat tetapi kami bersemangat untuk kemuliaan nama Tuhan. Kami harap dan terus berdoa bagi mereka yang sudah di injili ada perubahan dalam suatu masa nanti dan lebih ramai suku Iban mengenal Tuhan Yesus Kristus.

